

PENGAJARAN GAYA BAHASA DALAM BAHASA MELAYU

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir

Pengenalan

Pengajaran gaya bahasa dalam karya penulisan kreatif sama pentingnya dengan pengajaran gaya bahasa dalam karya penulisan bukan kreatif. Hal ini kerana gaya bahasa memainkan peranan penting dan dianggap sebagai nadi yang menghidupkan sesebuah karya kreatif. Namun begitu, kertas kerja ini akan hanya memfokuskan perbincangan terhadap gaya bahasa dalam karya penulisan kreatif seperti yang disenaraikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan Lima dan cara mengajarnya.

Dalam konteks ini, karya penulisan kreatif ialah karya kesusasteraan yang mempunyai unsur keindahan dan istimewa. Karya ini juga merujuk karya-karya kesusasteraan berbentuk prosa dan puisi waima yang tradisional atau moden. Antara contoh karya kesusasteraan yang dicatat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (HSP KBSM) Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga


Tingkatan Lima ialah cerpen, novel, drama, prosa tradisional, sajak, dan puisi tradisional, iaitu pantun, syair, gurindam, seloka, dan bahasa berirama.

Sehubungan dengan perkara itu, guru Bahasa Melayu perlu memiliki pengetahuan yang cukup dan menguasai gaya bahasa dalam kedua-dua karya penulisan kreatif dan bukan kreatif. Dengan demikian, maka mudahlah baginya untuk melaksanakan tugas, tanggungjawab, dan amanah sebagai guru mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan komsas khususnya agar kedua-dua perkara tersebut dikuasai. Lebih-lebih lagi pengajaran gaya bahasa ada digariskan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (HSP KBSM) Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

Gaya Bahasa dalam Penulisan Kreatif

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005b: 9), secara umumnya gaya bahasa yang bermacam-macam yang terdapat dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif itu dapat dikelompokkan kepada lima jenis, iaitu gaya bahasa perbandingan, pertentangan, pengulangan, pertautan, dan penyirnaan (lihat Rajah 1).

Rajah 1: Jenis-jenis Gaya Bahasa



Daripada lima jenis gaya bahasa tersebut, hanya gaya bahasa pertautan yang tidak dicatatkan atau yang tidak disenaraikan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Taburan Gaya Bahasa Yang Disenaraikan Dalam HSP KBSM BM Bagi Tingkatan 1 Hingga 5.

Gaya Bahasa		Tingkatan				
		1	2	3	4	5
Perbandingan	Imejan					✓
	Metafora		✓			
	Personifikasi		✓	✓	✓	
	Pleonasme					✓
	Simile	✓	✓	✓	✓	
Pertentangan	Hiperbola			✓	✓	✓
	Inversi		✓	✓	✓	
	Paradoks				✓	
Pengulangan	Aliterasi	✓	✓	✓	✓	
	Anafora		✓			
	Asonansi	✓	✓	✓	✓	
	Epifora		✓			
	Rima	✓	✓		✓	
Penyirnaan	Sinkop				✓	

Walau bagaimanapun, guru Bahasa Melayu perlu juga mengetahui bentuk gaya bahasa pertautan.

Gaya Bahasa Perbandingan

Gaya bahasa perbandingan ialah bentuk bahasa perbandingan yang indah yang digunakan untuk menambahkan kesan dan makna tertentu dengan cara perbandingan sesuatu perkara dengan perkara lain. HSP KBSM Bahasa Melayu telah menyetengahkan pelbagai jenis gaya bahasa perbandingan antaranya:

- i. **Metafora**, iaitu pemakaian kata atau ungkapan yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat atau penggunaan kata-kata untuk menyatakan erti yang berbeza daripada yang sebenarnya (sebagai kiasan). Contohnya:
 - a. Sungai duka (*Anak Laut*, 2002: 17)
 - b. Rimba kegelapan (*Anak Laut*, 2002: 17)
 - c. Kamar sutera rohani (*Sehijau Warna Daun*, 2002: 18)

Yang menarik tentang gaya bahasa metafora dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM ini ialah, gaya bahasa ini hanya diketengahkan kepada murid-murid tingkatan dua. Hal ini seolah-olah bermakna gaya bahasa perbandingan ini tidak menjadi kesalahan, jika guru tidak mengajarkannya kepada murid bukan tingkatan dua atau wajarlah kalau gaya bahasa metafora tidak akan diajar oleh guru Bahasa Melayu kepada murid-murid tingkatan satu, tiga, empat, dan lima secara langsung kerana hal tersebut tidak dicatat dan disentuh secara langsung dalam HSP KBSM Bahasa Melayu bagi tingkatan yang berkenaan.

- ii. **Personifikasi**, iaitu penginsanan atau pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak. Yang berikut adalah antara contoh gaya bahasa personifikasi yang terdapat dalam teks komsas. Contohnya:
 - a. Kelibat *senyum* matanya masih jua ramah (*Seuntai Kata Untuk Dirasa*, 2003: 19)
 - b. *Daun-daun pokok* di pantai bertamparan sesama sendiri (Dzul Karnain Isnin, 200: 72)

- c. Mentari terus *meninggi* sambil *melemparkan* sinarnya yang terik (*Anak Bumi Tercinta*, 2002: 96)

Walau bagaimanapun, gaya bahasa personifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM ini hanya diketengahkan kepada murid-murid tingkatan dua, tiga, dan empat. Hal ini seolah-olah bermakna gaya bahasa perbandingan ini tidak diajar kepada murid-murid tingkatan satu dan lima kerana hal tersebut tidak dicatatkan langsung dalam HSP KBSM Bahasa Melayu bagi tingkatan yang berkenaan.

- iii. **Simile**, iaitu perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan sesuatu perbandingan atau sesuatu yang dianggap sama dengan menggunakan kata seperti “bak”, “laksana”, “seperti”, “umpama”, “penaka”, “ibarat”, “macam”, “bagai”, dan “serupa”. Yang berikut adalah antara contoh gaya bahasa simile yang terdapat dalam teks komsas.
 - a. Seperti kebun berpagar duri. (*Seuntai Kata Untuk Dirasa*, 2003, 7)
 - b. Ia menjernih bagai jerebu diterpa titik hujan. (Othman Puteh, 2001: 26)
 - c. Macam membawa duit tak laku (*Anak Laut*, 2002: 8)
 - d. Umpama lebah membuang sengatnya (*Seuntai Kata Untuk Dirasa*, 2003: 13)

Gaya bahasa simile dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM ini tidak diketengahkan kepada murid-murid tingkatan lima. Hal ini bermakna gaya bahasa perbandingan ini seolah-olah hanya sesuai diajar kepada murid-murid tingkatan satu, dua, tiga, dan empat kerana buktinya hal tersebut hanya ditulis dalam HSP KBSM Bahasa Melayu bagi tingkatan yang berkesan.

- iv. **Imejan** ialah gaya bahasa perbandingan, iaitu pemakaian kata atau beberapa kata yang menghasilkan efek atau kesan melalui penggunaan pancaindera seperti melalui pendengaran, penglihatan, atau perasaan. Imejan boleh juga bermaksud

cerminan atau gambaran tentang sesuatu yang dapat dikesan melalui pancaindera ataupun puisi yang memiliki banyak perkataan yang membayangkan objek atau perlakuan yang berbentuk lambang, simbol, atau kod untuk menjelaskan sikap dan perasaan penyair seperti bahang, kepahitan, kesejukan, dan penderitaan dalam sajak. Perhatikan gaya bahasa imejan yang bercetak tebal dalam sajak “Tukang Gunting” di bawah ini:

Dengan sebilah gunting
Sebuah **cermin sompek**
Sebuah **sisir rongak**
Dan **bangku kaki tiga**
Ia ukir nafkah keluarganya.

(*Kerusi*, 2002: 14)

Gaya bahasa imejan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM ini tidak diketengahkan kepada murid-murid tingkatan satu hingga tiga. Hal ini bermakna gaya bahasa perbandingan ini seolah-olah hanya sesuai diajar kepada murid-murid tingkatan empat dan lima kerana buktinya hal tersebut hanya ditulis dalam HSP KBSM Bahasa Melayu bagi tingkatan yang berkenaan dan kemungkinan besar seolah-olah implikasinya, aras kesukaran gaya bahasa ini tidak sesuai dengan murid-murid tingkatan tersebut.

Seterusnya, unsur gaya bahasa perbandingan yang tidak dicatatkan dalam Hasil Pembelajaran Utama dan Khusus secara langsung tetapi ada dicatatkan dalam ruangan Cadangan Aktiviti/Sumber/Catatan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu tingkatan lima atau yang diketengahkan kepada murid bagi tingkatan yang tersebut ialah gaya bahasa pleonasmе.

- v. **Pleonasmе** atau nama lain ialah tautologi, iaitu penggunaan kata yang berlebih-lebihan dan tidak perlu dalam ayat. Kata-kata yang berlebih-lebihan itu sekiranya digugurkan dan dibuang daripada struktur ayat, penyirnaan itu tidak menjejaskan makna ayat. Contoh:
 - a. Dia menangkap budak jahat itu *dengan tangannya sendiri*.

- b. Merekalah yang menyaksikan pembunuhan itu *dengan mata kepala mereka sendiri*.
- c. Aku menendang bola itu dengan *kaki*
- d. Mereka menjunjung buah-buahan itu di atas *kepala masing-masing*.
- e. Murid dan guru memberi tumpuan dan mendengar nasihat dan peringatan yang dilafazkan oleh pengetua SMK Penambang secara *lisan*.
- f. Mentari terbit *pagi*. (HSPBM Tingkatan lima: 15-19)

Walau bagaimanapun, pleonasme mirip dengan perifrasis. Yang berbeza antara kedua-dua ialah kata-kata atau frasa yang berlebih-lebihan dalam perifrasis boleh digantikan hanya dengan satu kata kerana frasa yang berlebih-lebihan itu dan kata yang digantikan itu dianggap sinonim atau sama makna sedangkan pleonasme perlu menggugurkan frasa yang berlebih-lebihan itu tanpa ada penggantian dengan satu kata.

Namun begitu, terdapat banyak lagi jenis gaya bahasa perbandingan yang tidak diketengahkan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Lima. Antara gaya bahasa tersebut ialah alegori, antitesis, dipersonifikasi, perifrasis, prolepsis, dan tautologi (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005b).

Gaya Bahasa Pertentangan

Gaya bahasa pertentangan juga perlu dikuasai oleh murid kerana ada tercatat dalam HSP KBSM Bahasa Melayu. Gaya bahasa pertentangan ini bermaksud bentuk bahasa yang mengemukakan makna yang berlawanan dengan makna yang sebenarnya. Gaya bahasa ini paling ketara digunakan dalam karya kreatif. Jika diteliti HSP KBSM Bahasa Melayu, kita akan mendapati bahawa gaya bahasa ini tidak didedahkan kepada murid-murid Tingkatan satu sebaliknya dikemukakan untuk pembelajaran murid tingkatan dua hingga lima. Namun, hanya tiga jenis gaya bahasa pertentangan yang diketengahkan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu, iaitu:

- i. **Hiperbola**, iaitu sejenis gaya bahasa yang mengandungi kenyataan tentang sesuatu perkara secara berlebihan atau melampau waima daripada segi jumlahnya. Ukuran atau sifatnya untuk menekankan sesuatu pandangan, idea, atau peristiwa. Contohnya:
- a. ... *darah pun seperti hujan yang lebat* turun ke bawah istana... (*Anak Laut*, 2002: 37)
 - b. *Langit bagai bercantum dengan permukaan laut yang biru menghijau*. (Dzul Karnain Isnin, 2000: 72)
 - c. Perniagaan adalah *peperangan*. (Abu Hassan Morad, 2001: 37)
 - d. Bunga kembang di puncak gunung. (*Anak Laut*, 2002: 4)
- (Ayat a dan b di atas juga bersifat simile kerana adanya kata “seperti” dan “bagai”)
- ii. **Inversi** atau anastrof, iaitu sejenis gaya bahasa pertentangan yang memfokuskan pembalikan kata-kata yang berbeza daripada susunannya yang lazim atau gaya bahasanya yang menyongsang struktur kata, frasa, atau klausa dalam ayat. Contohnya:
- a. *Ada sephohon bunga cina* (*Anak Laut*, 2002: 5)
 - b. Sudah *sekah* tempat bergantung (*Kerusi*, 2002: 3)
 - c. Telah *patah* tempat berpijak (*Kerusi*, 2002: 3)
 - d. *Sukalah* baginda bukan suatu (*Sehijau Warna Daun*, 2002: 6)
 - e. *Dijamulah* Qari makanan yang tentu (ibid.)
- iii. **Paradoks**, iaitu sejenis gaya bahasa yang mengandungi pertentangan yang nyata dengan fakta-fakta yang ada tetapi kenyataannya mengandungi kebenaran dan pendapat umum atau realiti. Hal ini bermakna paradoks memaparkan suatu keadaan atau suasana yang berlawanan. Contohnya:
- a. Di tengah-tengah *kesedihan* ada juga *kelucuan*. (Dzul Karnain Isnin, 2000: 79)

- b. *Angin gunung yang bertiup nampaknya tidak membawa hawa sejuk* (A. Rahman Hanafiah, 2002: 90)
- c. *Kelelahan kita semakin parah tenatnya berserta kekejaman mengatasi kedamaian* (*Anak Laut*, 2002: 19)
- d. *Dalam Kesepian di tengah ramai* (*Anak Bumi tercinta*, 2003: 21)

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jenis gaya bahasa pertentangan yang tidak diberikan penekanan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Namun begitu, guru Bahasa Melayu perlu mengetahui dan memahami jenis-jenis gaya bahasa ini. Antaranya ialah antifrasis, antikleimaks, apofasis, hipalase, hiperbaton, histeron proteron, inuendo, ironi, katabasisi, klimaks, litotes, oksimoron, preterisio, sarkasme, satire, sinisme, silepsis, dan zuegma.

Gaya Bahasa Pengulangan

Gaya bahasa pengulangan ialah gaya bahasa yang mengandungi unsur-unsur pengulangan bunyi, suku kata, kata, frasa, atau bahagian ayat yang dianggap penting untuk menghasilkan kesan dan memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Gaya bahasa jenis ini banyak diketengahkan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat. Gaya bahasa pengulangan ini tidak diperkenalkan atau tidak didedahkan langsung kepada murid-murid tingkatan lima. Setelah dianalisis, didapati ada lima jenis gaya bahasa pengulangan sahaja iaitu:

- i. **Aliterasi**, iaitu sejenis gaya bahasa pengulangan bunyi konsonan yang sama pada awal kata dan yang berturutan waima dalam puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, atau prosa moden. Contohnya:

Penyair ialah pengunjung pasar kisah
Peraih pengalaman
Dan pembeli masa sudah

(*Anak Laut*, 2002:20)

- ii. **Anafora**, iaitu gaya bahasa pengulangan perkataan pertama pada setiap baris atau pada setiap ayat yang biasanya secara

berturutan supaya memperoleh kesan tertentu waima dalam bahan prosa atau puisi. Contohnya:

Masih di situ
Masih memandu kereta lama
Masih menuju sekolah yang sama

(Sehijau Warna Daun, 2002: 15)

- iii. **Asonansi**, iaitu sejenis gaya bahasa pengulangan bunyi vokal yang sama. Terdapat enam jenis bunyi vokal dalam Bahasa Melayu tetapi dalam penulisan bunyi ini diwakili oleh lambang-lambang 'a', 'e', 'i', 'o', dan 'u'. Contohnya:

Aku cinta padamu
Wahai laut yang bergelora
Kerana aku bisa belajar
Menjadi seorang jejaka
Yang tabah menerima cabaran

(Seuntai Kata Untuk Dirasa, 2002: 23)

- iv. **Epifora**, iaitu sejenis gaya bahasa pengulangan kata, frasa, beberapa kata pada akhir baris atau ayat yang berturutan. Contohnya:

- Keli masuk ruan keluar,
Matahari masuk bulan keluar.

(Sehijau Warna daun, 2002: 3)

- Memang kalau ikutkan hati, aku juga bersimpati dengan mama tetapi aku marahkan abah. Aku salahkan perempuan miang itu yang berjaya menggoda abah.

(Abu Hassan Morad, 2001: 2)

- v. **Rima**, iaitu bunyi yang sama pada huruf akhirnya atau kata akhir dalam sesuatu rangkap yang terdapat dalam puisi seperti pantun, syair, gurindam atau susunan bunyi atau keselarasan huruf pada akhir kata atau suku kata terakhir dalam sesuatu baris atau serangkap puisi. Contohnya:

Pukul gendang kulit kerbau,
Dalam Majlis Tari-menari,
Kami ini dagang merantau,
Mengharap belas orang di sini.

(*Seuntai kata Untuk Dirasa*, 2002: 6)

Selain yang di atas, ada lagi gaya bahasa pengulangan yang tidak diberikan penekanan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu. Antara gaya bahasa tersebut ialah anadiplosis, antanaklasis, asindeton, epanalepsis, epanortesis, epizuekis, erotesis, gradasi, kiasmus, mesodiplosis, paralelisme, polisindeton, pun/paronomasia, responsif, simplok, tautotes, dan woordopname (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005a dan 2005b).

Gaya Bahasa Penyirnaan

Dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima, gaya bahasa penyirnaan turut disentuh, iaitu sinkop.

- i. **Sinkop**, iaitu pengguguran huruf sisipan atau suku kata sisip bagi perkataan atau dengan menghilangkan huruf tengah atau suku kata tengah bagi perkataan. Contohnya:

Andikara	→	Adikara
Baharu	→	baru
Dahulu	→	dulu
Nenekanda	→	nenenda
Sahaja	→	saja
Sahaya	→	saya
Semenjak	→	sejak
Senantiasa	→	sentiasa
Tidak	→	tak
Tahu	→	tau
Juga	→	jua

UJANG: **Tak jua**, aku cuma menduga saja. (*Sebijau Warna Daun*, 2002: 150)

Selain sinkop, gaya bahasa penyirnaan yang lain tidak diberikan penekanan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Namun begitu, guru Bahasa Melayu perlu memiliki pengetahuan tentang jenis-jenis gaya bahasa penyirnaan yang lain. Antaranya ialah aferisis, akronim, apokop, elipsis, dan kata singkatan (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005a dan 2005b).

Walau bagaimanapun, kesemua jenis gaya bahasa yang tersebut telah disusun berdasarkan keselarasan aras kesukaran mengikut tingkatan. Hal ini bertujuan untuk membolehkan murid menguasai gaya bahasa itu secara berperingkat-peringkat mengikut tingkatan. Contohnya, murid tingkatan dua wajar menguasai jenis gaya bahasa yang telah dipelajarinya semasa di tingkatan satu. Begitu juga dengan murid tingkatan lima, mereka sepatutnya menguasai kesemua kelompok gaya bahasa yang dipelajari semasa tingkatan satu, dua, tiga, dan empat. Oleh sebab itu, dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Lima didapati sedikit sahaja gaya bahasa yang dipelajari yang seakan-akan gaya bahasa yang lain tidak payah dipelajari.

Dalam buku teks Bahasa Melayu didapati ada pelbagai bahan daripada pelbagai bidang seperti bidang sains, sejarah, agama, undang-undang dan kesusasteraan. Oleh yang demikian, penguasaan terhadap laras bahasa penting. Bagi menguasai laras bahasa ini, murid mestilah diajar dan didedahkan dengan laras-laras itu. Hal ini kerana setiap bidang itu mempunyai laras bahasa sains. Perbezaan itu adalah kerana wujudnya penggunaan istilah tertentu dan khusus yang menjadi penanda bagi setiap bidang ini. Oleh itu, guru perlu memainkan peranannya agar murid faham dan dapat menguasai kesemua jenis gaya bahasa dengan baik sekalipun ada sesetengah gaya bahasa itu tidak ditekannya dalam HSP KBSM, namun guru perlulah menjelaskan kepada murid.

Pendekatan pengajaran

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan dapat dicapai melalui pemilihan pendekatan mengajar yang sesuai, tepat, dan menarik. Berdasarkan teori bahasa, ada beberapa jenis pendekatan yang boleh digunakan untuk pengajaran bahasa. Antaranya ialah pendekatan

deduktif, induktif, eklektik, dan komunikatif. Bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai, guru mestilah mengetahui dan memahami pendekatan-pendekatan mengajar yang sesuai dengan isi pengajarannya. Lazimnya, pendekatan induktif dan deduktiflah yang kerap digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan, maka aspek penguasaan gaya bahasa dan laras bahasa dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif ini boleh dicapai sekiranya guru bijak memilih pendekatan yang sesuai.

Sehubungan dengan perkara itu, pendekatan induktif menghendaki guru mengajar bahasa dengan cara menunjukkan penggunaan unsur-unsur bahasa yang diajar melalui contoh-contoh, iaitu sebelum dibuat generalisasi undang-undang unsur bahasa itu. Ringkasnya, pendekatan induktif ini merupakan penyampaian pelajaran daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks atau daripada yang konkrit kepada yang abstrak. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan rumus di bawah:

Contoh-contoh	→	Hukum/Konsep
Konkrit	→	Abstrak

Contoh:

Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran

Ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan

Ini langit kita, lindungilah dari keracunan

Ini sungai kita, lindungilah dari pembuangan

(*Sebijau Warna Daun*, 2002: 14)

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran:


- Murid diminta untuk menyenaraikan jenis gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak tersebut.
- Murid diharapkan dapat mengenal pasti pengulangan kata pada awal baris secara berturutan

- Soalan yang ditanya:
 - i. Sebutkan kata yang berulang (Jawapan: **Ini, Kita, Lindungilah** dan **dari**)
 - ii. Di manakah letaknya perkataan tersebut dalam baris? (Jawapan: **awal dan tengah baris secara berturutan**)
 - iii. Apakah nama jenis gaya bahasa pengulangan itu? (Jawapan: **Anafora & Mesodilopsis**)
- Murid diminta memberi definisi gaya bahasa tersebut

Selain itu, guru juga boleh menggunakan pendekatan deduktif untuk pengajaran dan pembelajaran aspek penguasaan gaya dan laras bahasa ini. Pendekatan ini merupakan lawan kepada pendekatan induktif. Pendekatan deduktif menggariskan bahawa pengajaran undang-undang unsur bahasa itu lebih diutamakan daripada penggunaan bahasa (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2003: 121-122). Pelajaran bahasa dimulakan dengan huraian undang-undang bahasa sebelum guru memberikan contoh-contoh yang menggunakan undang-undang itu dalam ayat. Misalnya, guru mengajar tajuk gaya bahasa, maka dia hendaklah terlebih dahulu memberikan definisi gaya bahasa yang difokuskan sebelum menunjukkan contoh-contoh gaya bahasa itu dalam ayat. Di samping itu, pendekatan ini memerlukan murid memperoleh kefahaman yang mendalam, pengetahuan yang cukup dan mampu memilih prinsip atau peraturan yang telah dipelajari dengan tepat untuk diaplikasikan kepada contoh-contoh yang khusus. Dengan demikian, dalam proses pengajaran, guru perlu menekankan kaedah huraian atau pemecahan dan menggunakan kemahiran yang bercorak menceritakan, menerangkan, menjelaskan, menganalisis dan sebagainya. Hal ini kerana setiap pernyataan atau hujah itu akan menjadi kuat apabila adanya idea-idea sokongan dan alasan-alasan yang logik. Yang berikut ialah rumus pendekatan deduktif:

Hukum (generalisasi)	→	Contoh-contoh
Abstrak	→	Konkrit

Contohnya:



Aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah seperti yang berikut :

- pembelajaran yang akan dipelajari dinyatakan
- maksud gaya bahasa personifikasi dijelaskan
- Contoh-contoh yang disediakan guru dinyatakan
- Murid diminta memberi contoh daripada teks dan contoh-contoh lain

Walau bagaimanapun, guru tidak semestinya terikat dengan pendekatan induktif, deduktif, eklektik, dan komunikatif tetapi boleh mengaplikasikan sebarang pendekatan lain yang sesuai dengan konteks mengikut kreativiti masing-masing.

Penutup

Sebagai kesimpulan, pengajaran gaya bahasa dalam karya penulisan kreatif sangat penting dan perlu dikuasai. Guru mesti mengetahui dan memahami konsep bagi setiap jenis gaya bahasa yang digariskan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Lima. Tanpa

penguasaan dan pengetahuan yang betul, kemungkinan guru akan gagal untuk melaksanakan tugasnya sebagai pendidik yang berkualiti. Jadi, guru mestilah merancang dan menyediakan persediaan mengajar yang kemas dan sistematik dengan mengambil kira aspek kekuatan dan kelemahan setiap pendekatan bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pendekatan mengajar yang dipilih mestilah diintegrasikan dengan kaedah dan teknik yang akan dilaksanakan di dalam bilik darjah. Hal ini kerana pemilihan pendekatan, kaedah, dan teknik yang sesuai dan betul juga sangat penting dalam mewujudkan suasana pengajaran yang menarik dan berkesan yang mampu mencapai objektif, lebih-lebih lagi pengajaran yang berkesan mestilah bermula daripada satu perancangan yang sistematik yang berupaya menjayakan misi dan visi ke arah pendidikan guru yang berkualiti dan globalisasi.

Rujukan

- Abu Hassan Morad, 2001. *Julia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahman Hanafiah, 2002. *Merdeka! Merdeka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dzul karnain Isnin, 2000. *Tragedi Empat Disember*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Antologi Anak Bumi Tercinta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Antologi Anak Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Antologi Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Antologi Sebijau Warna Daun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan V*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maaruf Mahmood, 2000. *Anak Din Biola*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Hj. Nik Ab. Kadir, 2003. *Teori bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- _____, 2004a. "Menguasai Gaya Bahasa dan Laras Bahasa dalam Karya Penulisan Kreatif". *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- _____, 2004b. "Menguasai Gaya Bahasa dan Laras Bahasa dalam Karya Penulisan Bukan Kreatif". Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Guru 2004, anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 19 hingga 21 September 2004.
- _____, 2004c. "Pengajaran Gaya Bahasa Penulisan Kreatif dalam Bahasa Melayu". Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Guru 2004, anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris dan JPPG pada 29 November hingga 1 Disember 2004.
- _____, 2005a. *Citra Komsas*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- _____, 2005b. *Stilistik: Komsas*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Othman Puteh, 2001. *Terminal Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari, 1987. *Glosasi Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Terbitan 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Taringan, H.G., 1985. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.